

U GB10-11 00191. HA384

bah

Mahathir - Keluarga

IBU BAPA PERLU WUJUD SISTEM KELUARGA BERKUALITI, KATR MAHATHIR
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9 MALAMINI)

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata ibu bapa perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran sebagai usahamewujudkan sistem keluarga yang berkualiti.

Ini kerana sebagai pendidik utama mereka perlu mempelajari kaedah yang sesuai bagi menangani keadaan dan masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka, kata Perdana Menteri dalam perutusan sempena Hari Keluarga Kebangsaan 1992 menerusi RTM malam ini.

+Strategi komunikasi yang menjalinkan hubungan yang rapat dengan anak-anak, di samping menumpukan penekanan ke atas cara-cara perubahan tingkah laku, perlulah dipelajari, dihayati dan dipraktikkan dengan penuh kesungguhan,+ kata beliau.

Ka tanya, usaha seumpama itu perlu diambil bagi mengatasi gejala negatif yang boleh mempengaruhi institusi keluarga hasil daripada proses transformasi struktur ekonomi yang sering diiringi oleh ciri-ciri individualisme yang kurang sihat seperti membelakangkan keluarga dan masyarakat.

Hanya apabila segala masalah itu dapat diatasi barulah ibu bapa boleh memberi tumpuan khusus ke arah membentuk keperibadian, perwatakan serta daya intelek anak-anak. -- Lagi.

▼10/11/18-24MST

U GB 10-11 00179 DA385

bah

Mahathir - Keluarga 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir mengingatkan ibu bapa bahawa dalam usaha negara mengejar kemajuan, kern jaan mahumewujudkan rakyat yang bertanggung jawab, bertimbang rasa, taat, sopan, berdaya tahan, matang dan penyayang kerana +kualiti unggul inilah yang boleh membawa kecemerlangan kepada generasi akan datang.+

Beliau berkata masyarakat cemerlang merupakan impian seluruh rakyat serta menjadi salah satu cabaran dalam Wawasan 2020 sebagai usaha mewujudkan bangsa Malaysia yang maju, mempunyai keyakinan pada diri sendiri, berbangga dengan pencapaian serta gigih menghadapi semua cabaran.

+Masyarakat sedemikian rupa mestilah mempunyai ciri-ciri kecemerlangan yang disanjung oleh dunia,+ kata beliau.

Oleh kerana itu, kata Perdana Menteri, tema perayaan kali ini +Anak Cemerlang Negara Gemilang+ amat sesuai kerana aspek-aspek pembentukan keluarga, khususnya di peringkat kanak-kanak, ciri-ciri penyayang dan bertimbang rasa mesti dipupuk pada peringkat awal.

Sempena dengan perayaan itu juga beliau berharap setiap ibu bapa mengambil berat kepada pembangunan anak-anak mereka daripada segi emosi, fizikal, rohaniyah, mental dan sosial agar mereka dapat menyumbang kepada kesejahteraan dan kecemerlangan keluarga, masyarakat dan negara. -- Lagi.

▼10/11/18-25MST

bah

Mahathir - Keluarga 3 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Deliau berkata perangkaan 1990 menunjukkan 38 peratus daripada penduduk negara terdiri daripada kanak-kanak bawah 14 tahun dan mereka merupakan potensi serta aset besar yang perlu dipupuk dan dibangunkan dengan sistematik dan terancang kerana mereka boleh menyumbang ke arah kemajuan dan kegemilangan negara pada masa akan datang.

Dr Mahathir berkata rakyat perlu berbangga dengan perayaan itu kerana pengiktirafan kepada keluarga ini jelas membuktikan, di samping menikmati kemajuan ekonomi yang pesat, masyarakat tidak lupa kepada aspek sosial, terutama nilai-nilai dan budaya hidup berkeluarga.

+ Sistem keluarga sebagai institusi dan asas masyarakat perlu dikekalkan dan diperkukuhkan kerana keluarga ialah penerima dan penyumbang kepada pembangunan negara. +

Ini kerana kekuatan dan keutuhan sesuatu keluarga dapat mempengaruhi dan menjamin kestabilan masyarakat.

+ Lantaran itu, segala perubahan dan perkembangan yang berlaku di peringkat keluarga sudah pasti akan memberi kesan di peringkat masyarakat dan negara, + kata Perdana Menteri. -- Bernama.

▼10/11/18-25MST